



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

19 Mar 2021 (Jumaat)

Utusan Malaysia

Akibat tamak, pengguna jadi mangsa	1
Kilang 'halal' punca pencemaran sungai	2
Tiga dekad berpindah-randah	3
Nadi Cergas menang kontrak	4

Harian Metro

Inisiatif Safe @Work membolehkan kontak rapat terus bekerja	5
---	---

Kosmo

Kilang 'DEGIL' MUNGKIN DIROBOHKAN	6
30 tahun hidup berpindah-randah	7
MPSepang sedia 727 tapak peniaga bazaar Ramadan	8

Sinar Harian

MBSA tak benarkan jaja tepi lampu isyarat	9
Jumlah tapak bazar Ramadan bergantung kemampuan PBT	10
Sultan Selangor nasihat rakyat daftar vaksin	11

Bernama Radio 24

Selangor lulus peruntukan RM100 juta bagi pembelian vaksin Covid-19	12
Selangor to launch RM5mil SME digital matching grant	13

The Star

Fewer Ramadan trading lots on offer this year	14
Licence fee waived for traders	15

New Straits Times

Fresh vibes at 'new normal' AJL35	16
-----------------------------------	----

The Malaysian Reserve

Govt unveils programme to minimise covid disruptions	17
--	----

China Press

The cistern of the cattle farm bursts, the cow dung pollutes Sungai Gemi	18
MBPJ councillors adoption area has been released, people can reflect on livelihood issues	19
Causes of the Cheras and Ampang floods: Heavy rainfall, poor drainage, project impact	20

Nanyang Siang Pau

Suspected upstream development caused drainage overload, Klang Meru flooded after rain	21
--	----

Guang Ming Daily


Selangor MB posted a photo of Hyun Bin and teased himself that become OPPA after vaccination	22
--	----



KERATAN AKHBAR

19 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Akibat tamak, pengguna jadi mangsa
Muka Surat	:	30



LONGKANG yang menjadi tempat pengeluaran bahan kimia terlarang termasuk sisa efluen di kawasan perindustrian di Shah Alam.

Akibat tamak, pengguna jadi mangsa

SHAH ALAM: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mengeluarkan sebanyak 246 kompaun bernilai kira-kira RM492,000 kepada pemilik premis atau kilang berlesen di negeri ini sejak dua tahun lalu kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard ditetapkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, jabatan itu juga membuka kertas siasatan terhadap 34 premis untuk diambil tindakan bagi tempoh sama.

"Daripada jumlah ini, kira-kira 20 peratus atau tujuh premis melakukan kesalahan sama lebih daripada dua kali," katanya di sini semalam.

Menurut Nor Aziah, daripada sebanyak 12,764 kilang berdaftar dengan JAS, kesalahan yang dikesan bukan sahaja melibatkan aktiviti membabitkan pembuangan sisa efluen, malah, sebahagian daripadanya kilang kering yang menghasilkan sisa pembuangan udara dan berjadual.

"Bagi yang menjalankan aktiviti membabitkan pembuangan sisa efluen, sebanyak 918 kilang berdaftar dengan JAS.

"Statistik menunjukkan kilang makanan dan minuman paling tinggi iaitu 544 diikuti kilang berasaskan getah 292 dan kilang sadur elektrik 82," ujarnya.

Tambahnya, sikap sesetengah pemilik premis yang sewenang-wenangnya membuang sisa efluen tanpa dirawat hanya menyebabkan pengguna menanggung gangguan bekalan air.

"Sikap tamak yang hanya mementingkan diri dan memikirkan keuntungan dalam perniagaan tanpa menghiraukan orang lain mengakibatkan masyarakat terpaksa menanggung akibatnya.

"Tindakan mereka hanya menyebabkan pencemaran dan penutupan loji rawatan air dan mengganggu bekalan air selain mengakibatkan sungai menjadi tercemar dan kotor serta hidupan akuatik terancam," ujarnya.



KERATAN AKHBAR		
19 March 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kilang 'halal' punca pencemaran sungai
Muka Surat	:	30

Kilang 'halal' punca pencemaran sungai

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
 rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Kegagalan kilang-kilang berdaftar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) khususnya dalam rawatan sisa efluen menjadi punca kebanyakan kejadian pencemaran sungai di negeri ini sekali gus menolak tanggapan ia disebabkan sepenuhnya oleh kilang haram.

Dalam tempoh dua tahun lalu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mengeluarkan sebanyak 246 kompaun membabitkan nilai kira-kira RM492,000 kepada pemilik premis dan kilang berlesen di negeri ini.

Sehingga kini, kilang yang berdaftar dengan JAS adalah sebanyak 12,764 buah yang mana antara tertinggi adalah pengilangan logam iaitu 918 buah diikuti asas kimia (717 buah), kayu (696 buah), plastik (686 buah) dan makanan serta minuman sebanyak 544 buah.

Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 918 kilang didapati menjalankan aktiviti membabitkan pembuangan sisa efluen.

Pemilik kilang dikatakan mengambil jalan mudah dengan membuang sisa secara tidak teratur hanya kerana mahu mengelak daripada menanggung kos pengurusan kawalan pencemaran dan air buangan (efluen).

Malah, ada segelintir daripada pemilik premis tidak mahu merawat sisa efluen dengan teratur bagi mengelakkan dipantau pihak berkuasa.

Tindakan membuang sisa efluen tanpa dirawat memberi kesan besar kepada pengguna yang menanggung masalah gangguan bekalan air seperti dialami kira-kira enam juta penduduk merangkumi Wilayah Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat, baru-baru ini.

Sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, pemilik kilang yang melakukan aktiviti membabitkan sisa efluen itu seharusnya menyediakan sistem rawatan sebelum melepaskannya ke dalam longkang yang akhirnya mengalir ke dalam sungai.

Memberi contoh kilang memproses makanan yang menggunakan air untuk menjalankan aktiviti perniagaan, sumber berkata, sebelum melepaskan efluen, mereka perlu merawatnya sebelum dibuang ke dalam long-



ANTARA kilang yang dikesan membuang sisa efluen yang tidak mengikut piawaian ditetapkan Jabatan Alam Sekitar.

kang.

"Sisa efluen yang dibuang mestilah mencapai satu standard alam sekitar. Namun, apa yang berlaku sebaliknya mereka terus membuangnya dan akibat tidak dirawat, air berwarna hijau atau merah kelihatan berbanding yang sepatutnya berwarna jernih.

"Ada segelintir pemilik premis mempunyai sistem rawatan efluen tetapi telah rosak. Mereka memberi alasan tidak mempunyai duit untuk memperbaiki dan meneruskan proses tanpa kawalan," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Sumber berkata, kebiasaannya pemilik kilang tidak mahu mengeluarkan perbelanjaan un-

tuk kos penyelenggaraan yang agak tinggi.

"Kos penyelenggaraan kira-kira RM50,000 dan ada juga yang melebihi RM200,000 setahun bergantung kepada premis. Malah, ada juga premis kilang masih menggunakan sistem lama yang mana kurang cekap dan tidak dinaik taraf.

"Ia bergantung kepada kapasiti kilang, jika besar premis tersebut, pengeluaran juga tinggi dan banyak efluen yang perlu dirawat sekali gus berlaku peningkatan kos.

"Pemilik premis sepatutnya bertanggungjawab dengan melantik orang yang kompeten untuk mengawal selia operasi sistem rawatan efluen," katanya.



KERATAN AKHBAR
19 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tiga dekad berpindah-randah
Muka Surat	:	33

Tiga dekad berpindah-randah

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
 utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Memilukan. Itulah yang dapat digambarkan nasib seorang warga emas yang hidupnya berpindah-randah sejak lebih 30 tahun lalu.

Menurut Hashim Jaafar, 76, dia yang berasal dari Kampung Kuantan, Kuala Selangor mula keluar mencari rezeki ketika usianya 45 tahun.

Katanya, dia pernah pergi ke beberapa tempat seperti Tanjung Karang dan Kuala Lumpur untuk berniaga kecil-kecilan termasuk menjual barang-barang dari Arab di Masjid Arrahman, Bangsar selama tiga tahun.

“Namun, sejak masjid tersebut diubah suai pada 2014, dia tiada tempat tinggal dan mengambil keputusan berpindah ke sebuah rumah di Seksyen 24 Shah Alam.

“Bagaimanapun saya telah berpindah ke sebuah rumah di Bukit Naga pada 2017 sebelum berpindah ke Kampung Lombong pada Julai tahun lepas,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di Kampung Lombong semalam.

Hashim berkata, dia kini hanya bergantung dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM300 untuk meneruskan



NAZILAH Idris (dua kanan) menyampaikan sumbangan barang makanan kepada Hashim Jaafar (dua dari kiri) di rumah kecil yang ditumpangnya di Kampung Lombong, Shah Alam Selangor.
- UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

kan kehidupan dan tinggal sebatang kara di rumah kecil yang ditumpangi atas ihsan pemilik tanah.

“Saya pernah tinggal di rumah kebajikan tetapi tidak bertahan lama kerana sepanjang hidup mencari duit sendiri dengan berniaga.

“Saya kini membantu pemilik

tanah dengan menjalankan kerja berkebun tetapi kudrat orang tua, hanya membantu yang mampu sahaja. Namun, saya bersyukur kerana tidak menghidap sebarang penyakit serius.

“Namun, saya mengimpikan sebuah rumah kecil untuk meneruskan kehidupan dan tidak bergantung kepada orang lain,”

katanya.

Sementara itu Pengerusi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Selangor, Datuk Nazilah Idris berkata, pihaknya akan mengajukan masalah Hashim kepada pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan segera agar impian untuk tinggal di rumah sewa yang selesai tercapai.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 19 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Nadi Cergas menang kontrak
Muka Surat	:	35

Nadi Cergas menang kontrak

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**
kusyafiq.fozi@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Gagasan Nadi Cergas Berhad (Nadi Cergas) menerima surat tawaran reka dan bina projek serah terima bernilai RM97.4 juta melibatkan pembinaan kampus berkeluasan 27.52 hektar.

Menurut syarikat tersebut, projek untuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Dungun, Terengganu itu akan memperkukuh kedudukannya dalam menerima projek-projek penting kerajaan.

Pengarah Urusan Kumpulan-nya, Wan Azman Wan Kamal berkata, pihaknya kekal komited menyokong inisiatif kerajaan



WAN AZMAN WAN KAMAL

untuk menaik taraf infrastruktur akademik dalam negara.

“Satu lagi kontrak yang dimenangi daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk pembinaan kampus pendidikan awam adalah bukti rekod kami dalam menyiapkan projek awam dalam masa yang ditetapkan, selain kebolehsaingan kami dalam membina fasiliti bertujuan.

“Kontrak ini menandakan permulaan yang baik untuk Nadi Cergas ketika kami berusaha keluar daripada tahun pandemik dan kami berharap untuk mendapatkan lebih kontrak baharu pada masa hadapan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Nadi Cergas, kontrak serah terima tersebut melibatkan kerja mereka dan mem-

bina kampus berfasiliti penuh.

Ia merangkumi blok akademik, kompleks pelajar, fasiliti padang dan trek, bangunan sampingan dan infrastruktur lain yang relevan.

“Kerja pembinaan akan bermula pada 29 Mac ini dan dijangka selesai dalam tempoh dua tahun setengah.

“Ini merupakan projek pembinaan MRSM kedua dianugerahkan kepada kumpulan dalam tempoh tiga tahun.

“Sebelum ini, kumpulan memenangi projek MRSM bernilai RM96 juta untuk membina bangunan pendidikan di Bagan Datuk, Perak yang diselesaikan pada Disember 2020,” katanya.



KERATAN AKHBAR

19 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Inisiatif Safe @Work membolehkan kontak rapat terus bekerja
Muka Surat	:	25

Inisiatif Safe@Work membolehkan kontak rapat terus bekerja

Kuala Lumpur: Inisiatif Safe@Work yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) dilihat membolehkan pekerja kontak rapat Covid-19 untuk terus bekerja dalam situasi protokol baharu yang dinamakan *Safe Work Bubble*.

Menteri Kanan merangkap Menteri Miti, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, dalam memastikan sektor industri dan perusahaan komersial terus kekal berdaya saing dan mampan untuk menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara, perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja menjadi keutamaan.

Katanya, setakat 16 Mac 2021, sektor perkilangan menyumbang sebanyak 58.1 peratus atau 194 kluster daripada kes Covid-19 di negara ini.

"Justeru, Miti mengambil langkah proaktif dan responsif dengan memperkenalkan inisiatif yang komprehensif dalam mengimbangi kelangsungan operasi sektor perkilangan dengan pengawalan penularan pandemik dalam kalangan pekerja yang dinamakan *Safe@Work*.

"Menerusi *Safe Work Bubble* kami yakin penularan



MOHAMED Azmin

Covid-19 di tempat kerja dapat dikurangkan dengan efektif.

"Usaha ini penting demi menyumbang kepada kelangsungan aktiviti ekonomi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Menurutnya, ada beberapa aspek utama yang diberikan penekanan di bawah *Safe Work Bubble* iaitu pekerja kontak rapat di kawasan kilang dan premis penginapan pekerja serta penubuhan Pasukan Perseediaan dan Tindakbalas Kecemasan Covid-19 (PERT) oleh syarikat bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes kecemasan.

Azmin berkata, menerusi *Safe Work Bubble* juga proses sanitasi berterusan dilakukan di premis perkilangan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
19 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang 'DEGIL' MUNGKIN DIROBOHKAN
Muka Surat	:	14

Ada premis industri di Selangor tidak tukar status tanah elak bayar cukai tinggi

Kilang 'degil' mungkin dirobohkan

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM - Lebih 3,000 kilang di negeri ini yang masih gagal mengikuti program pemutihan bakal berdepan hukuman denda selain dirobohkan, manakala tanah tempat beroperasi pula akan dirampas.

Program Pemutihan Kilang yang mula dilaksanakan pada bulan September 2019 dan berakhir pada 31 Disember lalu itu merujuk kepada kilang yang ada lesen perniagaan sementara tetapi belum memenuhi syarat teknikal seperti status tanah, pengezonan atau kebenaran merancang.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, berdasarkan statistik, hanya 363 daripada 3,400 kilang di negeri ini telah memohon menyertai program itu.

"Daripada jumlah itu, hanya 194 kilang telah lulus penukaran status tanah, 144 dalam tindakan dan selebihnya tidak diluluskan Pejabat Tanah Daerah.

"Perlu diketahui bahawa program pemutihan ini hanya melibatkan kilang-kilang tanpa kebenaran yang menjalankan aktiviti di zon industri di semua daerah di negeri ini. Selain itu, sejumlah 1,246 telah diberikan lesen sepanjang program pemutihan itu," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.



KERJA-KERJA merobohkan sebuah bengkel jentera berat oleh penguat kuasa Majlis Perbandaran Selangor selepas premis itu dibina di atas tanah rizab Lembangan Sungai Selangor di Rawang, pada Disember lalu.

Menurut beliau, program pemutihan berdasarkan status tanah penting bagi mengelakkan kebocoran hasil negeri dan kerugian PBT dari segi pembayaran premium tanah.

"Rekod menunjukkan ada pengusaha yang hanya membayar cukai pintu yang jauh lebih rendah berbanding cukai industri walaupun tanah mereka digunakan untuk membina kilang.

"Ini tidak adil kepada penduduk dan kerajaan negeri dari

segi kutipan hasil," jelasnya.

Sze Han berkata, terdapat pelbagai alasan yang diberikan oleh pemilik kilang yang tidak mengikuti program pemutihan.

"Antaranya adalah faktor pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memberikan impak kepada keuntungan sehingga mereka tidak boleh menjangkakan sama ada ingin meneruskan operasi atau tidak.

"Ramai keliru dan ingin ditegaskan kilang tanpa kebe-

naran adalah mereka yang menjalankan aktiviti yang tidak salah, bukan mengacau ganggu dan merosakan alam sekitar seperti kilang haram.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan kegiatan yang akan mendatangkan masalah pencemaran dengan kilang-kilang haram langsung tidak dibenarkan mengikuti program pemutihan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kira-kira 200 kilang plastik



KERATAN Kosmo! 13 Mac 2021.

haram yang beroperasi secara haram telah ditutup sejak tiga tahun lalu.

"Tiga aktiviti utama paling diambil perhatian iaitu kitar semula, pemrosesan kayu dan bahan kimia yang boleh menjejaskan alam sekitar dan menyebabkan pencemaran.

"Justeru, mereka memerlukan surat sokongan atau pengesahan daripada Jabatan Alam Sekitar dan Lesen Permit Import (AP)," katanya.

Kosmo! pada 13 Mac lalu melaporkan, sebanyak 1,124 batang dan cabang sungai di Selangor akan diwartakan sebagai rizab sungai dalam usaha mengekang pencemaran sumber air yang mampu menyebabkan penduduk Lembah Klang terputus bekalan air bersih.

Pewartaan itu melibatkan kawasan di lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Bernam, Sungai Buloh, Sungai Tenggi, Sungai Sepang dan Sungai Klang.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
19 March 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	30 tahun hidup berpindah-randah
Muka Surat	:	15

30 tahun hidup berpindah-randah

SHAH ALAM – Seorang lelaki warga emas yang kesempatan hidup tidak mempunyai kediaman tetap terpaksa berpindah-randah sejak 30 tahun lalu.

Hashim Jaafar, 76, yang masih bujang juga terpaksa menumpang di rumah kecil ihsan pemilik tanah sebuah kebun tempat dia bekerja di Kampung Lombong.

Bercerita lanjut, dia yang berasal dari Kampung Kuantan, Kuala Selangor mula keluar mencari rezeki ketika usianya berusia 45 tahun dengan berniaga kecil-kecilan termasuk barangan dari Arab seperti sejadah, tasbih dan lain-lain.

Ujarnya, sebelum ini dia tinggal di Tanjong Karang dan Kuala Lumpur serta di Masjid Arrah-

man, Bangsar selama tiga tahun.

"Namun, sejak masjid tersebut diubah suai pada 2014, saya tiada tempat tinggal dan mengambil keputusan berpindah dengan menumpang di sebuah rumah di Seksyen 24 Shah Alam.

"Bagaimanapun, berlaku perselisihan faham dengan pemilik rumah sebelum berpindah ke sebuah lagi rumah di Bukit Naga pada 2017," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Hashim menjelaskan, dia hanya bergantung dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat RM300 untuk meneruskan kehidupan.

"Saya pernah tinggal di rumah kebajikan tetapi tidak bertahan lama kerana selagi hidup saya

mahu mencari duit sendiri dengan berniaga.

"Saya kini membantu pemilik tanah dengan buat kerja berkebun tetapi kudrat orang tua, hanya membantu yang mampu sahaja. Namun, saya bersyukur kerana tidak menghidapi sebarang penyakit serius," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Selangor, Datuk Nazilah Idris berkata, pihaknya akan mengajukan masalah Hashim kepada pihak Lembaga Zakat Selangor agar lelaki itu ada rumah sendiri.

Orang ramai yang ingin maklumat lanjut boleh hubunginya di talian **012 3628676** atau bantuan menerusi akaun Maybank **1641 000 16218** atas namanya.



NAZILAH (dua dari kanan) bertanya khabar Hashim (dua dari kiri) di rumah kecilnya di Kampung Lombong, Shah Alam semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
19 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MPSepang sedia 727 tapak peniaga bazaar Ramadan
Muka Surat	:	17

MPSepang sedia 727 tapak peniaga bazar Ramadan

SEPANG – Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) menyediakan sebanyak 727 tapak bazar Ramadan untuk peniaga pada bulan puasa pertengahan April depan.

Antara tapak bazar Ramadan tersebut adalah di Cyberjaya, Desa Pinggiran Putra, Taman Mas, Sungai Merab, Taman Ambar, Dengkil Jaya, Sungai Pelek, Sepang Putra dan Kipmall Kota Warisan selain di Taman Putra Perdana, Salak, Pekan Dengkil dan Kosmopleks.

Yang Dipertua MPSepang, Datuk Abd. Hamid Hussain berkata, setakat ini pihaknya telah menerima 400 permohonan daripada peniaga sebaik Majlis Keselamatan Negara membenarkan

bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri beroperasi.

Sehubungan itu, pihaknya akan menjalankan pemantauan pematuhan prosedur operasi standard (SOP).

"Pihak majlis turut menetapkan kriteria kepada peniaga iaitu mereka adalah warganegara Malaysia dan perlu mengemukakan salinan suntikan typhoid dan kursus pengendalian makanan.

"Peniaga juga boleh memilih untuk berniaga di satu tapak sahaja," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambahnya, MPSepang telah merangka tiga cadangan untuk memenuhi SOP iaitu jarak antara meja peniaga dengan pengun-

jung ditetapkan satu meter, operasi dengan kapasiti separuh daripada jumlah petak dan bazar Ramadan beroperasi secara penggiliran.

Menurut Abd. Hamid, anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia akan ditempatkan di pintu masuk untuk memantau saringan terhadap pengunjung.

"Cadangan itu tertakluk kepada SOP ditetapkan MKN dan kerajaan negeri," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Abd. Hamid berkata, pihaknya telah membuka permohonan secara online kepada peniaga yang ingin menyertai *e-kitchen* sebagai alternatif kepada bazar Ramadan.



PENIAGA dan pengunjung bazar Ramadan perlu mematuhi SOP bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. – GAMBAR HIASAN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 19 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MBSA tak benarkan jaja tepi lampu isyarat
Muka Surat	:	3

MBSA tak benarkan jaja tepi lampu isyarat



SHHRIN AHMAD

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tidak membenarkan aktiviti penjajaan berisiko yang dijalankan peniaga di persimpangan lampu isyarat.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pihaknya tidak membenarkan aktiviti jualan sedemikian atas faktor keselamatan penjual dan juga pemandu kenderaan.

Menurutnya, tindakan boleh diambil mengikut Undang-Undang Kecil Penjaja MBSA 2007.

“Dalam hal ini, kita ingin menasihatkan pihak yang berkenaan supaya memohon permit penjaja sementara di tapak khas penjaja yang telah ditetapkan oleh pihak majlis,” katanya.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan Pengangkutan Awam dan Pembangunan

Kampung Baru Negeri Selangor, Ng Sze Han berkata, isu penjaja di persimpangan lampu isyarat itu tidak pernah dibangkitkan sebelum ini.

Menurutnya, pihaknya juga tidak pernah menerima sebarang aduan mengenainya.

“Isu ini tidak pernah dibangkitkan dan tak pernah terima aduan mengenainya.

“Ini pun kali pertama saya dengar mengenainya,” katanya kepada *Sinar Harian*.



KERATAN AKHBAR 19 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Jumlah tapak bazar Ramadan bergantung kemampuan PBT
Muka Surat	:	25

Jumlah tapak bazar Ramadan bergantung kemampuan PBT

SHAH ALAM - Jumlah pembukaan tapak bazar Ramadan di Selangor bergantung kepada kemampuan kawalan pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri tidak menghalang peniaga di bazar Ramadan kerana aktiviti itu mendapat kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada Selasa.

Bagaimanapun menurutnya, jumlah pembukaan tapak bazar perlu dihadkan bagi mengelakkan wujud kluster baharu Covid-19.

“Prosedur operasi standard (SOP) perlu dijaga kerana masih ramai yang belum mengambil suntikan vaksin,” katanya ketika ditemui pemberita di Hospital Shah Alam di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Amirudin turut menggalakkan peniaga dan pembeli di bazar Ramadan agar menggunakan perkhidmatan pembayaran dalam talian dan penggunaan e-dompot.

Ujarnya, inisiatif kerajaan negeri sebelum ini seperti e-kitchen dan e-bazar raya juga akan diteruskan kerana usaha itu dapat membantu peniaga menjual produk mereka secara dalam talian.



Amirudin ketika ditemui pemberita di Hospital Shah Alam pada Khamis.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
19 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor nasihat rakyat daftar vaksin
Muka Surat	:	25

Sultan Selangor nasihat rakyat daftar vaksin

Sultan Sharafuddin ingatkan patuhi SOP elak Covid-19 merebak

Oleh NUR FARHANA ABDUL MANAN

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menasihati rakyat di negeri ini yang layak menerima vaksin supaya segera membuat pendaftaran melalui saluran ditetapkan bagi mendapatkan suntikan vaksin Covid-19.

Istana Alam Shah dalam satu kenyataan pada Khamis menyatakan, baginda menzahirkan rasa sukacita apabila lebih daripada 90 peratus petugas barisan hadapan di hospital kerajaan di Selangor telah menerima suntikan vaksin Covid-19.

Menurut kenyataan itu, petugas berkenaan merangkumi doktor, jururawat, pemandu ambulans, kakitangan sokongan perubatan dan kakitangan hospital yang terbabit secara langsung merawat pesakit



SULTAN SHARAFUDDIN

Covid-19.

“Baginda turut difahamkan bahawa lebih daripada 50 peratus petugas barisan hadapan di hospital swasta di Selangor telah menerima suntikan vaksin Covid-19 dan dijangkakan kesemua mereka akan menerima vaksin menjelang akhir bulan Mac ini.

“Baginda sentiasa mendapatkan perkembangan terkini dari semasa ke semasa mengenai data-data berkaitan kes baharu Covid-19 dan juga statistik penerimaan vaksin Covid-19 daripada Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha’ari Ngadiman,” menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, baginda turut berasa sukacita dan memuji petugas barisan hadapan khususnya di hospital-hospital negeri Selangor yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik sehingga kini.

“Baginda menzahirkan rasa gembira dengan perkembangan terbaru ini dan berharap selepas menerima suntikan vaksin Covid-19, petugas-petugas barisan hadapan akan dapat berkhidmat dengan lebih tenang dan selamat tanpa tekanan.

“Baginda mengingatkan supaya rakyat tidak lalai meskipun telah mendapat suntikan vaksin dan terus mematuhi amalan norma baharu serta prosedur operasi standard (SOP) seperti menjaga kebersihan diri, memakai pelitup muka dan mengekalkan penjarakan fizikal demi mengawal wabak daripada terus merebak,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
18 March 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Selangor lulus peruntukan RM100 juta bagi pembelian vaksin Covid-19
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
17 March 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Selangor to launch RM5mil SME digital matching grant
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR

19 March 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Fewer Ramadan trading lots on offer this year
Muka Surat	:	2

All set for Ramadan trading

After a one-year hiatus, bazaars held during the fasting month are set to make a comeback in Klang, Sepang and Hulu Selangor. Meanwhile, DBKL has identified 47 locations for traders in the capital city. >2&3



LIVING THE NEW NORMAL

Fewer Ramadan trading lots on offer this year

Choice spots open for bidding but stallholders must follow strict guidelines

By HANNAH RAJENDRA, GRACE CHEN and AIDA AHMAD
 mohd@star.com.my

THE iconic Ramadan Jalan Tagging Klang will return this year but with half the usual spread of stalls to allow for physical distancing.

Klang Municipal Council (MCK) Licensing and Welfare Department director Achar Sureshwaran pointed out that the conditional movement control order allowed for outdoor trading.

